

D.R. 5/97

Naskhah **Sahih**—**Bahasa Inggeris**

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Notari Awam 1959.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Notari Awam **Tajuk** (Pindaan) 1997.

2. Akta Notari Awam 1959 adalah dipinda dalam seksyen **Pindaan** 3 dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen **seksyen 3.** yang berikut: **Akta 115.**

"(1A) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain yang bedawanan, jika mana-mana orang telah dilantik menjadi notari awam sebelum subseksyen ini mula berkuatkuasa dan tiada tempoh dinyatakan dalam pelantikan itu, pelantikan itu hendaklah terhenti berkuatkuasa apabila tamat tempoh dua tahun dari tarikh subseksyen ini mula berkuatkuasa.

(1B) Tiada apa-apajua dalam subseksyen (1A) boleh ditafsirkan sebagai menghalang pelantikan semula di bawah subseksyen (1) mana-mana orang yang pelantikannya telah terhenti berkuatkuasa menurut

kuasa subseksyen (1A), dan tiap-tiap pelantikan semula sedemikian hendaklah disifatkan sebagai suatu pelantikan baru."

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta Notari Awam 1959.

2. Sebelum pindaan kepada seksyen .3 yang mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 1991, apabila seseorang notari awam dilantik, tempoh pelantikannya tidak dinyatakan. Oleh yang demikian, orang itu menjadi notari awam sepanjang hayat. Pelantikannya hanya boleh dibatalkan di bawah seksyen 5 atas alasan bahawa namanya sudah dikeluarkan dari daftar peguambela dan peguamcara atau dia telah menjalankan apa-apa fungsi notari awam di luar tempat amalannya.
3. Selepas pindaan kepada seksyen 3 yang dibuat dalam tahun 1991 itu, pelantikan seseorang notari awam adalah terhad kepada suatu tempoh masa tertentu.
4. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 3 melalui Rang Undang-Undang ini akan menghapuskan layanan tidak sama rata terhadap notari-notari awam yang tiada asas baginya dan menghasilkan keseragaman dalam hal tempoh pelantikan notari-notari awam di negara ini.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1959.]